

13/03/2000

Pak Lah lepasi syarat (HL)

Kadir Dikoh; Jamhariah Jaafar

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi melepasi syarat kelayakan untuk bertanding jawatan Timbalan Presiden pada pemilihan Umno Mei ini apabila menerima 47 pencalonan termasuk dari semua 26 bahagian yang bermesyuarat hari ini.

Ini bermakna pencalonan yang diterima Abdullah yang juga Timbalan Perdana Menteri, sudah melebihi syarat minimum 20 peratus atau sokongan 33 daripada 165 bahagian yang ditetapkan bagi pertandingan jawatan berkenaan.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang turut mendapat pencalonan dari semua 26 bahagian hari ini, pula hanya memerlukan tiga lagi pencalonan sebagai syarat bertanding jawatan Presiden, iaitu 30 peratus atau sokongan 50 bahagian.

Setakat ini, Perdana Menteri menerima 47 pencalonan manakala satu pencalonan yang diterima Tengku Razaleigh Hamzah untuk jawatan Presiden dan Timbalan Presiden masih tidak berganjak.

Sebaliknya, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan itu menerima pencalonan pertama bagi merebut jawatan Majlis Tertinggi (MT) dari Umno Bahagian Padang Besar, Perlis, hari ini.

Sebelum ini, Tengku Razaleigh turut dicalonkan sebagai Naib Presiden oleh Umno Gerik, Perak dan Jeli, Kelantan.

Bagaimanapun, sehingga kini beliau belum mengumumkan pendirian mengenai jawatan yang akan dipertandingkannya.

Semua 26 bahagian yang mencalonkan Dr Mahathir dan Abdullah hari ini ialah Seputeh di Wilayah Persekutuan; Bukit Mertajam, Bagan dan Tanjung (Pulau Pinang); Kuala Selangor, Ampang Jaya, Subang, Sepang, Selayang dan Tanjung Karang (Selangor); Selandar, Kota Melaka dan Alor Gajah (Melaka); Rasah dan Seremban (Negeri Sembilan); Beruas, Tapah, Bagan Datoh, Kampar dan Teluk Intan (Perak); Padang Besar (Perlis), Semporna, Tuaran, Kota Belud (Sabah), Pokok Sena (Kedah) dan Mersing (Johor).

Bagi jawatan Naib Presiden, seorang lagi calon iaitu Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman, hari ini menyertai Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak yang melepasi syarat kelayakan minimum bertanding jawatan itu.

Najib setakat ini menerima 45 pencalonan termasuk 21 hari ini, diikuti Abdul Ghani (28 termasuk 14 pencalonan hari ini).

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Abu Hassan Omar, pula menerima 16 pencalonan termasuk 10 hari ini, Menteri Pertahanan Datuk Seri Syed Hamid Albar (11 termasuk enam hari ini), Tan Sri Muhammad Muhd Taib (lapan termasuk lima hari ini), Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Osu Sukam (12 termasuk lima hari ini), Menteri Besar Negeri Sembilan Tan Sri Mohd Isa Samad (sembilan termasuk lima hari ini), Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Rais Yatim (lima termasuk tiga hari ini) dan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin (tiga termasuk dua hari ini).

Menteri Besar Perak, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali pula menyertai senarai calon Naib Presiden apabila menerima dua pencalonan dari Umno Kampar dan Teluk Intan, hari ini.

Calon Naib Presiden perlu mendapat pencalonan sekurang-kurangnya 10 peratus atau sokongan 17 bahagian.

Sebanyak 117 bahagian lagi akan mengadakan mesyuarat perwakilan selepas ini sehingga 30 April.

Sementara itu, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri

Rafidah Aziz dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Shahrizat Abdul Jalil masing-masing juga melepasi syarat untuk bertanding jawatan Ketua dan Naib Ketua Pergerakan Wanita Umno.

Rafidah setakat ini menerima 45 pencalonan termasuk 10 hari ini dari Gelang Patah, Beaufort, Kinabalu, Arau, Mersing, Bakri, Ipoh Timur, Parit Buntar, Ipoh Barat dan Tambun.

Shahrizat pula menerima 43 pencalonan termasuk 12 hari ini dari Sri Gading, Johor Bahru, Gelang Patah, Beaufort, Kinabalu, Arau, Mersing, Bakri, Ipoh Timur, Parit Buntar, Ipoh Barat dan Sabak Bernam.

Penyandang jawatan Ketua Wanita, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, bagaimanapun memerlukan empat lagi pencalonan untuk melepasi syarat kelayakan 20 peratus atau sokongan 33 bahagian bagi mempertahankan jawatan berkenaan.

Sekatat ini, Siti Zaharah menerima 29 pencalonan termasuk sembilan hari ini dari Sri Gading, Johor Bahru, Lipis, Alor Gajah, Nibong Tebal, Mentakab, Lumut, Sepang dan Sabak Bernam.

Dua lagi calon Naib Ketua Wanita, iaitu Datuk Napsiah Omar pula setakat ini memperolehi tujuh pencalonan dan Ainon Khairiyah Mohd Abas (22 pencalonan). Naib Ketua memerlukan sokongan 25 peratus atau 25 bahagian.

Bagi jawatan Ketua dan Naib Ketua Pemuda pula, Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Tun Hussein dan Exco pergerakan itu, Datuk Aziz Sheikh Fadzil, yang sudah melepasi syarat untuk bertanding jawatan berkenaan, terus mengukuhkan kedudukan masing-masing.

Hishammuddin menerima 17 lagi pencalonan hari ini untuk mengumpul 77 pencalonan setakat ini manakala pencabar tunggalnya, Raja Munir Shah Raja Mustapha, kekal dengan satu pencalonan.

Abdul Aziz pula mendapat 12 lagi pencalonan untuk mengumpul 59 pencalonan, meninggalkan pencabar utamanya Zein Isma Ismail yang menerima tambahan tiga pencalonan dari Sungai Petani, Bakri dan Ipoh Barat, menjadi 12 setakat ini.

Dua lagi pesaing bagi jawatan Naib Ketua, Mustafa Khalid, setakat ini menerima empat pencalonan manakala Ketua Pemuda Perlis, Zahidi Zainul Abidin, kekal dengan satu pencalonan.

(END)